

DBKL strukturkan semula bazar Ramadan

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang melaksanakan penstrukturan semula bagi perniagaan di bazar Ramadan bagi memastikan pengoperasiannya lebih tersusun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, pada masa sama langkah itu bagi membolehkan pihaknya menyelesaikan beberapa isu berkaitan.

"DBKL sedang susun kembali sebab ada beberapa isu baru-baru ini. Insya-Allah kita sedang lihat dan strukturkan kembali perniagaan di bulan Ramadan atau bazar Ramadan.

"Insya-Allah, kita cuba laksanakan dengan terbaik bagi memastikan pada bulan Ramadan, perniagaan dapat diteruskan tetapi jauh lebih tersusun," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Roslan Hashim (**PN-Kulim Bandar Baharu**) berhubung pemegang lesen KL Madani dalam operasi bazar Ramadan.